

10 JULAI 2018

## Sewa kondo untuk pesta seks

# Sewa kondo untuk pesta seks

**Taktik penganjur bagi menarik golongan remaja**

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

**M**enyewa kondominium mewah dan mempromosikannya menerusi WeChat, adalah taktik digunakan penganjur pesta seks dan dadah bagi menarik golongan remaja.

Bagaimanapun, taktik itu berjaya dibongkar polis dalam dua serbuan berasingan di Jalan Ceylon dan Jalan

Ampang, di sini, pada Selasa dan Jumaat lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, dalam serbuan berkenaan, seramai 68 individu berusia 14 hingga 44 tahun ditahan ketika sedang leka berpesta.

Menurutnya, dalam serbuan pertama kira-kira jam 5.45 petang Selasa itu, 15 individu ditahan dengan rampasan 4,000 pil eramin 5, selain 19 pil ekstasi dan ketamin (2.6 gram) yang dianggarkan bernilai RM60,000.

"Susulan itu, bertindak atas maklumat membawa serbuan kedua kira-kira jam 5.15 petang Jumaat dengan penahanan 53 individu yang

sedang berpesta di dalam bilik kondominium terbabit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Mazlan berkata, kondominium mewah berkenaan disewa penganjur dengan harga antara RM600 hingga RM1,300 sehari. Menurutnya, penganjur mempromosikan pesta seks dan dadah itu menerusi Wechat dengan pembayaran RM100 hingga RM200 untuk sekali penyertaan.

"Bagi mengelak kegiatan sebegini mudah dikesan pihak berkuasa, pesta ini akan kerap bertukar-tukar lokasi," katanya.

Mazlan turut mengesah-



Pengunjung pesta seks dan dadah yang ditahan dalam serbuan berkenaan.

kan, semua tangkapan positif dadah dengan dua daripada mereka adalah penganjur.

"Mereka direman dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952

dan Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.